

DASAR ANTIRASUAH



Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) komited untuk mencegah dan membanteras rasuah selari dengan nilai teras MARDI iaitu Integriti, Bekerjasama, Profesional, Komited dan Berbangga.

Sehubungan dengan itu, MARDI akan:

01

Memberi komitmen untuk menggalakkan nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik;

02

Mengukuhkan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah;

03

Mematuhi undang-undang, polisi dan prosedur yang berkaitan dengan usaha memerangi rasuah;

04

Membanteras segala bentuk gejala rasuah; dan

05

Menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh kerajaan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Setiap Pegawai MARDI adalah bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan melaksanakan dasar ini. Ketidakpatuhan atau pelanggaran terhadap undang-undang, dasar, polisi, prosedur dan lain-lain boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

Kelulusan LPM Ke-261 Bilangan 2 Tahun 2026 bertarikh 11 Mei 2026